


Wahana AKADEMIK



JURNAL ■ UNIVERSITI TEKNOLOGI MARA ■ CAWANGAN KEDAH ■ KAMPUS SUNGAI PETANI

Vol. 1 No. 1 ■ Jun 2002



*Hadiah
Maj. 1*

- Analisis Fungsi Permintaan Wang di Malaysia
Kaedah Pembolehubah Bertanggung Pelarasan Separa (Tahun 1960-Tahun 2000)
- Capital Budgeting in Investment and Project Appraisal
- Gambaran Sektor Pertanian Padi di Malaysia dan Kepenggunaan Tenaga Buruh di Sektor Tersebut
- How to Analyse Time Series Data Using Cointegration Techniques
- Key Success Factors of TQM Organizations : A Review of the Literature
- Language Enrichment Activities for Preparatory English
- Learning Styles Useful in Improving Students' Learning
- Malaysian Accounting Standards Overload?
- Motivational Styles and Instructional Designs of Second Language Learning :
A Brief Insight into Students' Language Learning Preferences
- Pengaruh Bahasa Inggeris Terhadap Kecemerlangan Pelajar :
Kajian di Universiti Teknologi MARA (UiTM) Cawangan Kedah, Kampus Sungai Petani
- Perbankan Islam: Bank Islam Malaysia Berhad
- Pengaplikasian Kerajaan Elektronik oleh Jabatan Kerajaan :
Dari Perspektif Pengurusan Rekod
- Self Assessment : An Opportunity to Reduce Tax
- The Admissibility of DNA Profiling under Islamic Law of Evidence

Hadiah

UiTM
(KEDAH)



KANDUNGAN

Kata-kata Aluan Penaung	i
Kata-kata Aluan Penasihat	ii
Dari Ketua Penyunting	iii
Analisis Fungsi Permintaan Wang di Malaysia Kaedah Pembolehkan Tertanggung Pelarasan Separa (Tahun 1960 – Tahun 2000)	
<i>Kamal Bahrin Shamsuddin</i>	1
Capital Budgeting in Investment and Project Appraisal	
<i>Wong Soon Heng</i>	14
Gambaran Sektor Pertanian Padi di Malaysia dan Kepenggunaan Tenaga Buruh di Sektor Tersebut	
<i>Maznah Wan Omar</i>	21
How To Analyse Time Series Data Using Cointegration Techniques	
<i>Nik Muhd Naziman Ab Rahman</i>	30
Key Success Factors of TQM Organizations: A Review of the Literature	
<i>Prof. Madya Mohammad Zaki Ayob dan Prof. Madya Fatimah Mohd Saman</i>	38
Language Enrichment Activities for Preparatory English	
<i>Ho Chui Chui</i>	52
Learning Styles Useful in Improving Students' Learning	
<i>Mak Kem Seng</i>	58
Malaysian Accounting Standards Overload?	
<i>Mohd Azhar Osman C.A. (M)</i>	68

Motivational Styles and Instructional Designs of Second Language Learning: A Brief Insight into Students' Language Learning Preferences

Francis Xavier A.S. Rajoo 76

Pengaruh Bahasa Inggeris Terhadap Kecemerlangan Pelajar: Kajian di Universiti Teknologi MARA (UiTM) Cawangan Kedah, Kampus Sungai Petani

Noor Saliza Zainal dan Normala Ismail 87

Perbankan Islam: Bank Islam Malaysia Berhad

Noor Saliza Zainal 101

Pengaplikasian Kerajaan Elektronik oleh Jabatan Kerajaan: Dari Perspektif Pengurusan Rekod

Asmadi Mohammed Ghazali 109

Self Assessment: An Opportunity to Reduce Tax

Wan Faizah Wan Abdullah 115

The Admissibility of DNA Profiling under Islamic Law of Evidence

Nor Fadzlina Nawi 122

KATA-KATA ALUAN PENAUUNG

Assalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh

Tahniah diucapkan kepada Jawatankuasa Jurnal Akademik UiTM Cawangan Kedah khasnya dan warga akademik UiTM Cawangan Kedah amnya kerana telah berjaya menerbitkan penerbitan pertama WAHANA AKADEMIK iaitu Jurnal Akademik UiTM Cawangan Kedah. Usaha ini adalah sejajar dengan cabaran era globalisasi yang memerlukan keupayaan penguasaan dalam pelbagai bidang ilmu. Masyarakat yang tidak mempunyai ilmu akan terus ketinggalan dan terkebelakang dalam segala segi. Sebagai sebuah universiti, para pensyarah dapat memainkan peranan yang penting dalam menghadapi cabaran ini kerana ilmu yang diturunkan dalam bentuk penulisan dapat mengubah nasib sesebuah masyarakat. Oleh itu para pensyarah perlulah berusaha untuk melengkapkan diri dengan meningkatkan pengetahuan tentang bidang masing-masing serta komited dengan penulisan dan penerbitan.


Saya amat berharap kewujudan jurnal WAHANA AKADEMIK akan menjadi pemacu kepada percambahan dan pertumbuhan ilmu serta menjadi saluran utama kepada penerbitan pensyarah UiTM khasnya UiTM Cawangan Kedah.

Saya juga berharap penerbitan jurnal ini dapat dimanfaatkan oleh semua warga kampus UiTM khasnya dan masyarakat amnya dalam usaha untuk memperbanyakkan lagi khazanah ilmu.

Akhir kata, saya sekali lagi mengucapkan setinggi-tinggi penghargaan dan syabas di atas kejayaan menerbitkan WAHANA AKADEMIK.

Sekian. Terima kasih.

Wassalam.



Prof. Madya Dr. Zaliha bt. Hj. Hussin
*Pengarah Kampus
Universiti Teknologi MARA Cawangan Kedah
Kampus Sungai Petani*

KATA-KATA ALUAN PENASIHAT

Assalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh

Saya mengambil kesempatan ini untuk merakamkan ucapan terima kasih kepada Jawatankuasa Jurnal Akademik Universiti Teknologi MARA Cawangan Kedah di atas usaha menerbitkan WAHANA AKADEMIK. Penerbitan jurnal ini adalah selaras dengan aspirasi negara yang mahukan setiap rakyatnya mempunyai ilmu pengetahuan.

Kegiatan penulisan dalam pembentukan profesyen seorang pensyarah di institusi pengajian tinggi adalah sangat penting. Ini adalah kerana dengan melibatkan diri di dalam penulisan akademik, pensyarah dapat menunjukkan bahawa ia sentiasa berusaha untuk melengkapkan diri dan berkemampuan untuk meningkatkan ilmu pengetahuan sesuai dengan tarafnya sebagai seorang ahli akademik. Walau pun sibuk dengan beban pengajaran yang banyak, tetapi pensyarah tidak wajar menjadikannya sebagai alasan untuk tidak terlibat dalam bidang penulisan. Oleh itu, saya menyeru agar pensyarah sekalian berusaha menjadikan penulisan sebagai satu budaya serta memainkan peranan dengan sebaik-baiknya bagi menyempurnakan kegiatan yang berfaedah ini.

Saya juga berharap agar pensyarah menggunakan peluang untuk mendalami ilmu, mengemukakan pendapat dan seterusnya menyebarkan pengetahuan melalui ruang yang disediakan oleh WAHANA AKADEMIK ini dengan sebaik mungkin. Sesungguhnya penerbitan jurnal ini merupakan satu mekanisme yang dapat mempertingkatkan status akademik pensyarah UiTM Cawangan Kedah di mata masyarakat.

Sekian. Semoga segala usaha dan sumbangan bakti Jawatankuasa tuan/puan semua diberkati Allah S.W.T.

Wassalam.



Zauyah bt. Abd. Razak
*Timbalan Pengarah Kampus
Bahagian Hal Ehwal Akademik
Universiti Teknologi MARA Cawangan Kedah
Kampus Sungai Petani*

DARI KETUA PENYUNTING

Assalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh

Syukur kepada Allah kerana penerbitan pertama 'WAHANA AKADEMIK,' iaitu jurnal akademik pertama Universiti Teknologi MARA Cawangan Kedah akhirnya dapat diterbitkan. Usaha untuk menerbitkan jurnal ini lahir daripada kesedaran bahawa budaya penulisan perlu dipupuk di kalangan ahli akademik. 'Wahana' yang bermakna alat untuk melahirkan atau menyampaikan fikiran atau pendapat diharap akan dapat dimanfaatkan oleh ahli akademik dalam usaha untuk menyalur dan berkongsi maklumat mengenai perkembangan pelbagai bidang akademik kepada pembaca.

Semua pihak dialu-alukan untuk mengemukakan karya penulisan dan penyelidikan yang belum pernah diterbitkan untuk dimuatkan di dalam jurnal ini. Penulisan boleh dibuat dalam bentuk karya asal penyelidikan, kajian kes, ulasan artikel, pendapat dan lain-lain bentuk penulisan akademik daripada berbagai disiplin pengajian.

Terima kasih dan syabas diucapkan kepada semua penyumbang-penyumbang artikel bagi penerbitan sulung ini. Setinggi-tinggi penghargaan ditujukan kepada penaung, penasihat, ahli jawatankuasa jurnal, semua pensyarah serta kakitangan Universiti Teknologi MARA Cawangan Kedah sama ada yang terlibat secara langsung mahupun tidak langsung di dalam proses menerbitkan jurnal ini. Tanpa bimbingan, bantuan, sokongan dan kerjasama tersebut, penerbitan ini tidak mungkin menjadi kenyataan.

Wan Faizah bt. Wan Abdullah

ANALISIS FUNGSI PERMINTAAN WANG DI MALAYSIA KAEDAH PEMBOLEHUBAH TERTANGGUH PELARASAN SEPARA (TAHUN 1960 – TAHUN 2000)

KAMAL BAHRIN SHAMSUDDIN

*Pensyarah Ekonomi
Universiti Teknologi MARA Cawangan Kedah
Kampus Sungai Petani
E-mel: kbsham@tm.net.my*

ABSTRAK

Kajian ini adalah tentang analisis fungsi permintaan wang di Malaysia menggunakan data tahun 1960 hingga tahun 2000. Analisis ini menggunakan kaedah regresi model linear memberi penekanan untuk menentukan angkubah-angkubah samada kadar faedah deposit tiga bulan atau kadar inflasi yang dijangka adalah proksi kepada kos melepas pemegangan asset kewangan. Pengenalpastian ini menggunakan pendekatan pembolehubah tertangguh pelarasan separa (NPAH) kerana kajian-kajian yang lepas menunjukkan bahawa fungsi permintaan wang adalah diselaraskan secara perlahan-perlahan dan dalam bentuk geometri menurun sama seperti bentuk pelarasan permintaan wang terhadap kadar faedah dan tingkat pendapatan negara. Penentuan angkubah kos melepas ini penting untuk mengenalpasti keberkesanan alat dasar kewangan ini untuk membendung masalah-masalah yang dihadapi dalam makroekonomi sesebuah negara, di samping menentukan tahap pembangunan sistem kewangan di Malaysia. Hasil kajian ini menemui beberapa keputusan penting yang memberi maklumat kepada pihak berkuasa, ahli-ahli akademik dan pihak-pihak yang berkepentingan dalam urusan perbankan, pelaburan dan kewangan di negara ini.

Kata kunci: *Fungsi Permintaan Wang, Kaedah Pembolehubah Tertangguh Pelarasan Separat (NPAH), Sistem Kewangan*

PENGENALAN

Permintaan wang merupakan keinginan orang ramai memegang sejumlah aset dalam bentuk wang pada suatu tingkat kekayaan atau pendapatan serta tingkat harga tertentu. Isi rumah meminta wang kerana wang dapat menyediakan khidmat tertentu yang boleh menghasilkan pulangan atau kepuasan kepada pemiliknya khususnya berkaitan dengan penggunaan. Manakala institusi kewangan memerlukan wang sama ada berbentuk mata wang kertas atau syiling atau deposit semasa untuk urusan perdagangan. Ini disebabkan wang berfungsi sebagai alat perantaraan pertukaran, penyimpan nilai dan unit pengukuran. Dalam sistem barter segala urusaniaga dijalankan secara tukaran barang selalunya tidak dapat

ditanggung dan lebih bersifat tukaran secara langsung untuk memenuhi keperluan tertentu. Pertukaran sistem barter hanya dibuat jikalau perlu, dan nilai pertukarannya disebut dalam bentuk harga relatif antara barangan yang diperdagangkan. Oleh itu, perdagangan sistem barter amat terbatas bukan hanya kerana masalah pertemuan kehendak serentak dan masalah keselarasan nilai pertukaran, tetapi juga sebarang urusan niaga yang hendak dijalankan hanya bila benar-benar perlu sahaja. Sebaliknya sistem pertukaran menggunakan wang, urusan niaga yang dijalankan bukanlah semestinya pada sesuatu tujuan benar-benar perlu, malah urusan niaga tersebut mempunyai fungsi yang lebih luas seperti mencakupi amalan tabung dan keuntungan. Oleh itu, dalam sistem ekonomi wang juga dapat berfungsi sebagai unit pengukuran dan seterusnya dapat mengukuhkan lagi penggunaan wang sebagai alat pertukaran atau perantaraan untuk tujuan urusan niaga. Pendapat ahli ekonomi klasik, Irving Fisher bahawa motif pemegangan wang hanya untuk tujuan urusan niaga telah dikritik oleh ahli-ahli ekonomi moden di antaranya oleh John Maynard Keynes. Beliau berhujah bahawa terdapat tiga motif mengapa orang ramai memegang wang iaitu motif urusan niaga, motif awasan dan motif spekulasi. Motif pemegangan wang untuk urusan niaga dikaitkan dengan paras pendapatan, iaitu lebih tinggi pendapatan maka lebih banyak wang boleh digunakan untuk tujuan penggunaan dan aktiviti jualan. Motif pemegangan wang untuk awasan juga mempunyai hubungan dengan paras pendapatan; namun begitu wang dipegang adalah disebabkan masalah ketidakpastian berlaku pada masa hadapan. Permintaan wang untuk motif spekulasi lebih bermotifkan keuntungan. Kebiasaannya perubahan dalam paras kadar faedah memberi kesan negatif kepada wang yang dipegang untuk tujuan spekulasi.

PENYATAAN MASALAH

Kajian permintaan wang ini lebih tertumpu kepada menentukan pemboleh ubah manakah yang menjadi proksi kos melepas pemegangan aset kewangan di Malaysia. Pemilihan pemboleh ubah kos melepas adalah penting untuk memastikan implikasi alat-alat dasar kewangan adalah berkesan untuk mengatasi masalah-masalah yang timbul dalam makroekonomi. Pemilihan pemboleh ubah ini semakin rumit kerana hasil daripada kajian yang lepas, pengkaji-pengkaji dalam bidang ini menemui keputusan yang berbeza-beza. Misalnya, Lee (1967) dan Laidler (1977) berhujah bahawa masih wujud dilema apabila menyentuh pemilihan pemboleh ubah kadar-kadar faedah yang mana satu paling sesuai sebagai proksi kos melepas pemegangan aset-aset kewangan. Ini memandangkan mengikut Laidler (1977), Heller dan Khan (1979), Mohd. Zainudin (1990) serta Zulkifly dan Hamzaid (1990) bahawa teori ekonomi tidak memberi pedoman yang jelas mengenai pemilihan kadar faedah yang sesuai sebagai proksi pemboleh ubah tersebut. Malah mengikut Crockette (1973) secara tradisional teori kadar faedah mengandaikan hanya terdapat satu kadar faedah sahaja, sedangkan secara realistik terdapat lebih dari satu kadar faedah yang boleh mempengaruhi pemegangan wang. Crockette (1973) menegaskan kesan kadar faedah jangka pendek dan jangka panjang tidak semestinya sama dalam menarik minat orang ramai untuk memegang aset kewangan atau

kekayaan. Contohnya, jika kadar faedah jangka pendek bertindak sebagai pengimbang penawaran dan permintaan wang, dan kadar faedah jangka panjang memberi kesan signifikan terhadap keputusan menabung dan pelaburan. Kontrovesi pemilihan kadar faedah menjadi lebih rumit apabila pengkaji-pengkaji menguji kadar-kadar faedah yang berlainan tempoh matang serta hasil penyelidikan empiris mereka tidak seragam. Latane (1954), Latane (1960) dan Eisner (1963) berhujah kadar faedah jangka panjang lebih baik kerana ia lebih mewakili kadar purata pulangan modal dalam ekonomi pada siri masa dan ia merupakan petunjuk yang baik sebagai kos melepas pemegangan wang.

Di sebelah pihak lain, Bronfenbrenner dan Mayer (1960), Teigen (1964), Heller (1965) dan Laidler (1966) menegaskan bahawa permintaan wang adalah berfungsi kepada kadar faedah jangka pendek disebabkan tempoh matangnya yang pendek adalah pengganti hampir kepada wang dari kadar faedah jangka panjang. Kajian permintaan wang di Malaysia oleh Semudram (1981) memperolehi kadar faedah jangka panjang lebih sensitif untuk kumpulan wang M1 dan M2, manakala Hamzaid (1984) pula memperolehi kadar faedah jangka pendek kurang sensitif kepada M2 berbanding M1 dalam kajian permintaan wang di Malaysia. Sementara itu, pengkaji-pengkaji seperti Wong (1977), Aghevli et. al. (1979), Shahi dan Sheikh (1979) dan Darrat (1985) menegaskan kadar inflasi adalah merupakan pembolehubah sebenar kos melepas pemegangan wang berbanding kadar faedah di negara-negara sedang membangun. Ini disebabkan sistem pasaran wang di negara sedang membangun masih belum mencapai kemajuan yang mantap dan kadar faedah tidak bebas ditentukan oleh sistem pasaran. Hasil analisis yang diperolehi dari kajian ini membolehkan beberapa cadangan terhadap aspek pembangunan kewangan dikenalpasti. Maklumat penyelidikan ini juga boleh digunakan oleh pihak kerajaan, para intelektual, ahli-ahli akademik dan badan-badan swasta yang terlibat dalam bidang ini.

OBJEKTIF DAN HIPOTESIS KAJIAN

Objektif kajian adalah untuk menganalisis secara empiris pembolehubah-pembolehubah yang menjadi proksi kos melepas pemegangan wang di Malaysia. Model permintaan wang yang dibentuk boleh dijadikan panduan kepada pengkaji-pengkaji lain dalam bidang ini. Hipotesis nol dalam penyelidikan ini adalah koefisien parameter kadar faedah terhadap permintaan wang adalah sifar; dan kedua koefisien kadar inflasi yang dijangka terhadap permintaan wang adalah bernilai sifar. Penerimaan hipotesis nol bererti salah satu atau kedua-dua pembolehubah tidak sandar bukanlah proksi kos melepas pemegangan wang di negara ini. Sebaliknya sekiranya hipotesis alternatif diterima, bererti wujud kepentingan salah satu atau kedua-dua pembolehubah tidak sandar dalam fungsi permintaan wang di Malaysia. Ini bermaksud sekiranya kadar faedah signifikan dengan tanda negatif hujah-hujah Friedman (1977), Laidler (1977), Feige dan Pearce (1977), Heller dan Khan (1979), Friedman dan Schwartz (1982) serta Nisar dan Aslam (1983) adalah disokong oleh data di negara ini bahawa kadar faedah adalah kos melepas pemegangan wang. Manakala penerimaan hipotesis alternatif dan koefisien kadar inflasi

yang dijangka menunjukkan tanda negatif bererti ia adalah kos melepas pemegangan wang, yakni hujah-hujah Wong (1977), Aghevli et. al. (1979), Shahi dan Sheikh (1979) dan Darrat (1985) disokong oleh data di Malaysia. Sekiranya hipotesis alternatif diterima untuk kedua-dua pembolehubah yang diuji serta menunjukkan tanda positif bererti secara tersirat ia tidak sesuai dianggap kos melepas pemegangan wang.

SKOP KAJIAN

Data yang digunakan dalam kajian ini adalah data sekunder bagi tempoh tahun 1960 hingga tahun 2000. Data ini diperolehi dari Buletin Ekonomi Suku Tahunan pelbagai keluaran terbitan Bank Negara Malaysia. Pembolehubah kadar faedah deposit tiga bulan telah dipilih sebagai proksi kos melepas pemegangan wang di samping kadar inflasi yang dijangka. Analisis ini turut menggunakan definisi wang M1, M2 dan M3 pada nilai benar. **Jadual 1** menyenaraikan data-data yang digunakan untuk analisis ini.

Jadual 1 : Perangkaan Wang M1, M2, M3, KDNK, IHP, Kadar Faedah Deposit Tiga Bulan Dan Kadar Inflasi Di Malaysia Dari Tahun 1960 - Tahun 2000

Tahun	M1 (RM juta)	M2 (RM juta)	M3 (RM juta)	KDNK (RM juta)	IHP (%) Tahun 1985 = 100	Kadar Faedah Deposit Tiga Bulan (%)	Kadar Inflasi (%)
1960	1170.3	1648.5	t.d	4878	41.15	3.50	0.00
1961	1196.9	1758.9	t.d.	5503	41.07	4.00	-1.00
1962	1253.7	1863.3	t.d	5850	41.11	4.00	1.00
1963	1341.8	2044.4	t.d	6175	42.39	5.00	4.00
1964	1417.2	2211.1	t.d	6615	42.22	4.50	0.00
1965	1514	2444.5	t.d	6952	42.18	4.00	-0.10
1966	1652	2730.4	t.d	7320	42.76	4.00	1.00
1967	1524.6	2817.5	t.d	7496	44.53	5.00	5.80
1968	1696.7	3258.4	t.d	8127	44.44	5.00	-0.20
1969	1882.3	3718.5	t.d	8793	44.26	5.00	-0.40
1970	2032.5	4122.3	t.d	9334	45.11	5.25	1.90
1971	2120.4	4668.2	t.d	10006	45.82	5.75	1.60
1972	2715.5	5762.4	t.d	10676	47.29	5.75	3.20
1973	3735.2	7551.9	8313.4	11883	52.28	5.25	10.50
1974	4055.3	8713.9	9791.0	12833	61.36	5.25	17.40
1975	4348.8	9981.5	11322.7	13192	64.13	7.00	4.50
1976	5257.0	12748.2	14496.3	14274	65.82	6.50	2.60
1977	6127.4	14819.0	16894.4	15345	68.94	5.50	4.80
1978	7242.8	17466.5	20270.9	37886	72.32	5.50	4.90
1979	8487.0	21706.4	25457.5	41428	74.94	5.75	3.60
1980	9761.4	27991.8	32687.6	44512	79.94	8.50	6.70
1981	1014.5	32772.7	38051.6	47602	87.69	10.50	9.70
1982	12476.7	37899.9	44357.8	50430	92.73	9.25	5.80
1983	13432.3	42264.1	51705.7	53582	96.16	8.50	3.70

1984	13356.7	47733.2	59772.6	57741	99.60	10.50	3.90
1985	13578.9	50412.2	65607.7	57150	100.00	7.50	0.30
1986	13957.0	56096.8	71399.9	57859	100.56	6.75	0.57
1987	15678.2	59771.7	74891.7	81085	101.36	3.50	0.30
1988	17839.8	64072.1	80987.4	92370	103.92	3.75	2.50
1989	21248.7	74392.8	97668.3	105233	106.87	5.01	2.80
1990	24240.5	83902.9	115435.7	119081	110.15	7.00	3.10
1991	26903.0	96092.5	133120.8	135124	115.37	8.05	4.40
1992	30395.1	114480.5	159177.9	150682	120.82	7.84	4.70
1993	41792.3	139800	196611.1	172194	125.11	6.31	3.54
1994	46470.9	160365.6	222329.8	195461	129.78	5.67	3.73
1995	51923.9	198873.3	271948.4	222473	134.19	6.73	3.40
1996	60585.3	238208.6	329707.6	253732	138.87	7.23	3.48
1997	63365.1	292217.1	390809.3	281795	142.63	9.21	2.71
1998	54134.7	296472	401459.2	284472	150.16	10.28	5.28
1999	73447.2	337138.2	434590.1	300349	154.31	5.67	2.77
2000	68838.9	338994.3	441049.5	165184	156.52	3.54	1.43

Sumber : *Buletin Ekonomi Suku Tahunan, Pelbagai Keluaran, Bank Negara Malaysia. Kuala Lumpur : Bank Negara Malaysia.*

ULASAN KARYA-KARYA LEPAS

Kajian-kajian lepas oleh Adekunle (1968), Khan (1980), Khan (1982) dan Semudram (1981) menumpukan perhatian terhadap pengaruh kadar faedah dalam analisis fungsi permintaan wang mereka. Adekunle (1968) mendapati bahawa kadar faedah signifikan ke atas permintaan wang di negara-negara maju iaitu Australia, Afrika Selatan, New Zealand dan Turki dan negara-negara sedang membangun iaitu Sri Lanka, China, Costa Rica, India dan Mexico. Khan (1980) dan Khan (1982) membuktikan kadar faedah deposit bermasa signifikan dalam model permintaan untuk Pakistan dan Thailand, manakala kadar faedah wang panggilan antarabank signifikan dalam model permintaan wangnya untuk India. Bagi kajian di Malaysia, Semudram (1981) mendapati kadar faedah jangka panjang adalah sensitif ke atas permintaan wang M1 dan M2. Hasil kajian kesemua pengkaji-pengkaji yang dibincangkan di atas memperlihatkan bahawa hubungan di antara kadar faedah ke atas permintaan wang adalah negatif. Walau bagaimanapun, menurut Lin (1977) keputusan-keputusan empirik penentu-penentu fungsi permintaan wang terutama di negara sedang membangun adalah tidak seragam disebabkan iklim ekonomi yang saling berbeza di antara satu negara dengan negara lain. Oleh itu, tidak semua penyelidikan-penyelidikan empiris mendapati hubungan kadar faedah ke atas permintaan wang semestinya signifikan secara negatif sebagaimana saranan teori ekonomi. Malah ada pengkaji-pengkaji seperti Lee (1971), Abe et. al. (1975), Mangla (1979), Laumas dan Williams (1983) serta Sheng-Yi (1986) kesemuanya mendapati wujudnya hubungan positif pembolehubah kadar faedah ke atas permintaan wang dalam model penyelidikan mereka. Misalnya, kajian Lee (1971) mendapati kadar faedah signifikan secara hubungan positif ke atas permintaan wang luas dengan keanjalan 0.017; Mangla (1979) pula mendapati kadar-kadar faedah bon signifikan secara positif dalam fungsi permintaan wangnya dengan keanjalan di antara 0.25 hingga 0.43; Laumas dan Williams

(1983) mendapati kadar faedah jangka pendek signifikan secara positif ke atas permintaan wang M2 dengan keanjalan 0.24; dan Sheng-Yi (1986) mendapati kadar deposit tiga bulan di Malaysia juga signifikan secara hubungan positif kepada permintaan wang M1, M2 dan M3. Dalam kajian Sheng-Yi (1986) memperlihatkan pembolehubah kadar faedah tersebut signifikan ke atas permintaan wang M2 dan M3, dengan masing-masingnya berkeanjalan 0.23 dan 0.20. Bagaimanapun, untuk permintaan wang M1, Sheng-Yi (1986) mendapati pembolehubah kadar faedah tidak signifikan. Pengkaji-pengkaji tersebut berhujah keadaan ini adalah disebabkan oleh pembangunan kewangan di negara berkenaan masih belum mantap dan peranan alat-alat kewangan yang terbatas untuk menarik minat orang ramai untuk menabung dalam bentuk wang. Secara umumnya, keputusan kajian-kajian empiris yang dinyatakan di atas adalah bercampur-campur. Kelemahan kajian-kajian tersebut adalah mereka masih tidak mengambilkira bagaimanakah pengaruh pulangan kadar-kadar faedah dengan bentuk kematangannya dalam fungsi permintaan wang. Seterusnya, menyentuh peranan pembolehubah kadar inflasi yang dijangka ke atas permintaan wang ada penyelidik seperti Wong (1977) berhujah di negara sedang membangun, orang ramai hanya mempunyai pilihan terhad dalam memegang aset mereka, yakni sama ada bentuk wang atau aset benar, atau di antara aset kewangan lainnya dengan aset bukan wang. Kajian permintaan wangnya melibatkan lima negara sedang membangun di Asia, iaitu Korea Selatan, Filipina, Sri Lanka, Taiwan dan Thailand. Bagaimanapun, kelemahan kajian Wong (1977) adalah beliau gagal membuktikan kadar inflasi yang dijangka adalah penting sebagai proksi kos melepas pemegangan wang dalam analisisnya. Aghevli et. al. (1979) pula berpendapat bahawa sistem pasaran wang di negara sedang membangun masih belum lagi mencapai tingkat kemajuan yang mantap seperti di negara maju. Oleh itu, beliau berhujah bahawa kadar faedah di negara tersebut tidak bebas ditentukan oleh sistem pasaran tetapi sebaliknya dikawal oleh pihak kerajaan. Berdasarkan kajiannya terhadap Sri Lanka, Indonesia, Malaysia, Filipina, Singapura dan Thailand yang menggunakan kadar inflasi yang dijangka sebagai proksi kos melepas pemegangan wang mendapati ia signifikan bagi semua negara tersebut kecuali untuk Malaysia. Selanjutnya, kajian di Nigeria oleh Shahi dan Sheikh (1979) juga selaras dengan hujah-hujah Wong (1977) dan Aghevli et. al. (1979) yang mendapati bahawa kadar inflasi yang dijangka signifikan secara hubungan negatif ke atas permintaan wang. Mereka menggunakan data tahunan tempoh tahun 1960 hingga tahun 1973 di dalam analisis tersebut. Khan (1982) dalam kajiannya ke atas beberapa buah negara sedang membangun iaitu Pakistan, India, Malaysia, Thailand, Sri Lanka dan Korea Selatan mendapati pembolehubah kadar inflasi yang dijangka hanya signifikan ke atas permintaan wang M1 untuk Sri Lanka dan Korea Selatan sahaja. Seterusnya, Hamzaid (1984) mendapati permintaan wang M2 di Malaysia bukan hanya berfungsi kepada pendapatan benar tetapi juga kadar inflasi yang dijangka. Malah kajian Hamzaid (1984) memperlihatkan permintaan wang M2 lebih sensitif kepada kadar inflasi yang dijangka berbanding kadar faedah.

Satu kajian di Kenya oleh Darrat (1985) terhadap fungsi permintaan wangnya untuk data tahunan tempoh tahun 1969 hingga 1978, mendapati selain daripada pembolehubah penerang pendapatan benar, adalah didapati kadar inflasi yang dijangka turut signifikan ke atas permintaan wang di negara tersebut. Secara umum, pendekatan Wong (1977), Aghevli et. al. (1979), Shahi dan Sheikh (1979), Khan (1982), Hamzaid (1984) dan Darrat (1985) adalah selaras dengan hujah Laidler (1977) bahawa dari segi teori, kadar inflasi yang dijangka tidak mempunyai perubahan secara bebas, akan tetapi dari segi empiris, pembolehubah ini seharusnya mempunyai kesan ke atas permintaan wang; dan kesan ini seharusnya negatif. Ia adalah sebagaimana pandangan Friedman (1956) bahawa sebagai pengganti yang hampir kepada wang sama seperti aset-aset nominal, jadi permintaan wang seharusnya juga berfungsi negatif kepada kadar inflasi yang dijangka yakni kadar pulangan kepada aset benar. Milbourne (1983) bagaimanapun menganggap bahawa pandangan Friedman (1956) itu hanya sesuai untuk wang sebagai satu aset, dan hubungan yang negatif itu hanya wujud untuk permintaan wang yang ditakrif secara meluas, M2. Mengikut Milbourne (1983) adalah sukar untuk dipercayai bahawa permintaan wang yang ditakrifkan secara sempit, M1, yang semata-mata dipegang untuk tujuan urusaniaga menjadi begitu sensitif terhadap kadar inflasi yang dijangka yang berkadar sederhana.

TEORI, SPESIFIKASI MODEL DAN METODOLOGI KAJIAN

Apabila seseorang meminta wang ini tidak bermaksud beliau menggunakan wang tersebut seperti mana beliau menggunakan barangan untuk mendapatkan utiliti daripadanya. Menurut Keynes (1936) wang diminta kerana tiga motif penting, iaitu motif urusaniaga, awasan dan spekulasi. Disebabkan jumlah permintaan wang adalah kombinasi ketiga-tiga motif ini Keynes (1936) berhujah dalam teori keutamaan kecairannya bahawa permintaan wang untuk spekulasi berfungsi secara negatif kepada kadar faedah. Wrightsman (1976) menerangkan teori kuantiti wang klasik dengan memperkenalkan kadar faedah sebagai penentu utama dalam permintaan wang. Pengaruh kadar faedah dibuat secara mendalam dalam analisis spekulasi Keynes (1936), iaitu dengan mengambilkira unsur-unsur ketidakpastian sebagai asas teori permintaan wangnya. Penyelidikan ini menggunakan pendekatan ekonometrik. Ini selaras dengan kaedah yang digunakan oleh kebanyakan pengkaji-pengkaji lepas, dan ia juga memudahkan beberapa perbandingan dibuat di antara penemuan-penemuan kajian ini dengan hasil-hasil penyelidikan mereka.

Secara tradisional mengikut Friedman (1956) dan Laidler (1977), imbalan permintaan wang benar adalah berfungsi kepada paras pendapatan benar dan kos melepas pemegangan aset-aset dalam bentuk wang:

$$m^d_t = f(y_t, r_t) \dots\dots\dots (1)$$

iaitu, m^d_t adalah imbalan stok wang benar dengan jangka masa ke t dengan andaian permintaan wang benar menyamai penawaran wang

benar, y_t adalah paras pendapatan benar dengan jangka masa ke t , dan r adalah mewakili pembolehubah-pembolehubah proksi kos melepas pemegangan wang dengan jangka masa ke t . Adalah dijangkakan kebedaan separa persamaan ini diperolehi : $\delta m / \delta y > 0$ dan $\delta m / \delta r < 0$. Terdapat beberapa pengkaji-pengkaji berhujah, bahawa kadar inflasi yang dijangka merupakan proksi kos melepas pemegangan wang di negara sedang membangun. Oleh itu, bagi memeriksa kebenaran saranan mereka, kajian ini turut memeriksa pengaruh kadar inflasi yang dijangka dalam fungsi permintaan wang yang dibentuk. Proksi kadar inflasi yang dijangka, ρ^o_t , yang digunakan dalam penyelidikan ini adalah berdasarkan pendekatan Goldfeld (1973), Branson (1979) serta Khan (1980) dan (1982), iaitu $\rho^o_t = P_t - P_{t-1} / P_{t-1}$, yakni P_t adalah indeks harga pengguna untuk tahun t . Andaian pendekatan ini adalah berdasarkan jangkaan statik, iaitu kadar inflasi yang sebenar dan yang dijangka adalah bersamaan dalam jangkamasa ke t . Apabila diselaraskan diperolehi model permintaan wang seperti berikut:

$$m^d_t = f(y_t, r_t, \rho^o_t) \dots\dots\dots(2)$$

iaitu, model fungsi permintaan wang adalah:

$$m^d_t = \alpha_0 + \beta_1 y_t + \beta_2 r_t + \beta_3 \rho^o_t + u_t \dots\dots\dots(3)$$

di mana, u_t adalah angkubah stokastik model ekonometrik. Dari persamaan (1) adalah diramalkan $\beta_1 > 0$ dan $\beta_2 < 0$. Sementara ini berdasarkan fungsi permintaan wang Friedman (1956), hubungan antara pembolehubah kadar inflasi yang dijangka sebagai mewakili pembolehubah proksi kos melepas pemegangan wang seharusnya negatif. Ini kerana aset benar adalah dianggap pengganti hampir kepada wang. Mungkin andaian kelakuan ke atas model persamaan (3), tanda yang diramalkan adalah $\beta_3 < 0$. Bagi memeriksa kesan tangguh masa di antara stok wang sebenar dengan stok wang yang dikehendaki, pelarasan stok perlu diwujudkan. Mansor (1988) telah menyarankan penggunaan mengikut hipotesis pelarasan separa (NPAH) seperti berikut:

$$M_t - M_{t-1} = \lambda (M^d_t - M_{t-1}) + u_t \dots\dots\dots(4)$$

iaitu, λ adalah koefisien laju pelarasan $0 \leq \lambda \leq 1$; dan u_t adalah angkubah gangguan stokastik. Bila mana persamaan (3) dan (4) dikombinasikan diperolehi fungsi permintaan wang seperti berikut:

$$m^d_t = \gamma_0 + \gamma_1 y_t + \gamma_2 r_t + \gamma_3 \rho^o_t + \gamma_4 (M_{t-1} / P_t) + u_t \dots\dots\dots(5)$$

di mana, $\gamma_0 = \alpha_0 \lambda$; $\gamma_1 = \beta_1 \lambda$; $\gamma_2 = \beta_2 \lambda$; $\gamma_3 = \beta_3 \lambda$; dan $\gamma_4 = 1 - \lambda$. Oleh yang demikian, kajian ini akan menggunakan model fungsi permintaan wang persamaan (5) dalam analisis angkubah-angkubah yang diramalkan sebagai proksi kos melepas pemegangan wang iaitu kadar faedah deposit tiga bulan mewakili r_t ; kadar inflasi yang

dijangka mewakili p_t^o ; keluaran dalam negara kasar benar mewakili y_t . Dengan mengandaikan wujudnya imbangan dalam pasaran wang, kumpulan wang benar yang akan dianalisis adalah M1, M2 dan M3.

KEPUTUSAN ANALISIS MODEL PERMINTAAN WANG

Hasil analisis regresi sebagaimana terdapat di dalam **Jadual 2** dan **Jadual 3** menunjukkan fungsi permintaan wang sempit di negara ini mempunyai hubungan signifikan dengan keluaran dalam negara kasar benar dengan keanjalan pendapatan 0.532. Manakala kadar faedah deposit tiga bulan didapati merupakan proksi kos melepas pemegang aset kewangan sempit berbanding angkubah kadar inflasi yang dijangka. Keanjalan kadar faedah adalah sebanyak 0.275 dengan perubahan sebagaimana teori iaitu berhubungan negatif dengan aset kewangan sempit. Keputusan ini adalah selaras dengan hasil kajian Mansor (1987) yang mendapati kadar faedah jangka pendek adalah signifikan dengan wang sempit dengan kadar keanjalan 0.09. Ujian t turut menunjukkan angkubah wang tertanggung adalah signifikan dengan permintaan wang sempit. Nilai R^2 adalah 0.957 dan ' $adj. R^2$ ' adalah 0.952. Keputusan analisis regresi kumpulan wang M2, ujian t menunjukkan fungsi permintaan wangnya hanya signifikan dengan angkubah keluaran dalam negara kasar benar dan angkubah wang tertanggung. Manakala nilai R^2 dan ' $adj. R^2$ ', masing-masing adalah 0.994. Hasil kajian menunjukkan kadar faedah deposit tiga bulan dan kadar inflasi yang dijangka bukanlah angkubah kos melepas pemegang wang M2. Manakala keanjalan pendapatan benar untuk kumpulan wang M2 adalah 0.239 dan keanjalan pembolehubah wang M2 tertanggung adalah 0.812. Analisis kumpulan wang luas M3, menunjukkan ujian t signifikan hanya kepada keluaran dalam negara kasar benar dan pembolehubah wang tertanggung M3. Keanjalan pendapatan benar adalah 0.227 dan keanjalan pembolehubah wang M3 tertanggung adalah 0.810. Manakala kadar faedah deposit tiga bulan dan kadar inflasi yang dijangka bukan merupakan proksi kos melepas pemegang wang M3. Ujian kebugusan model menunjukkan R^2 adalah 0.994 dan ' $adj. R^2$ ' adalah 0.993. Analisis Durbin-Watson turut menunjukkan tiada masalah autokolerasi dalam ketiga-tiga model fungsi permintaan wang M1, M2 dan M3. Ujian F turut menunjukkan tiada heteroskedastisiti dalam model yang dibentuk untuk ketiga-tiga kumpulan yang pada aras keyakinan 99 %.

Jadual 2: Keputusan Analisis Regresi Fungsi Permintaan Wang

Wang benar	m 1	m 2	m 3
Angkatap	39.180	-7.035	-16.583
(γ_0)	(2.366)*	(-0.253)	(-0.279)
KDNK benar	0.122	0.205	0.269
(γ_1)	(5.100)*	(5.617)*	(4.486)*

Kadar faedah (γ_2)	-6.990 (-2.380)*	-3.167 (-0.634)	-2.251 (-0.285)
Kadar Inflasi Dijangka (γ_3)	-0.253 (-0.163)	-0.956 (-0.362)	-2.240 (-0.458)
Angkubah wang tertanggung (γ_4)	0.536 (5.256)*	0.892 (26.065)*	0.889 (22.324)*
F	195.025**	1528.764**	896.509**
R ²	0.957	0.994	0.994
Adj R ²	0.952	0.994	0.993
DW	2.207**	2.429**	1.843**

Nota: () adalah keputusan ujian t.

* signifikan pada paras keertian 5 %.

** signifikan pada paras keertian 1 %.

Jadual 3: Keputusan Keanjalan

KUMPULAN WANG	m1	m2	m3
η_Y	0.532	0.239	0.227
η_r	-0.275	-	-
$\eta_{(Mt-1/Pt)}$	0.501	0.812	0.810

RUMUSAN DAN KESIMPULAN

Selaras dengan hasil kajian mendapati kadar faedah deposit tiga bulan merupakan pembolehubah kos melepas pemegangan wang sempit di Malaysia. Ini bermakna ia merupakan salah satu alat dasar kewangan yang penting dalam menentukan jumlah tabungan dan perbelanjaan di Malaysia. Oleh itu, sebarang perancangan dalam dasar kewangan perlu mengambilkira kadar faedah tempoh matang ini bila mana pihak kerajaan ingin mengatasi sebarang masalah dalam makroekonomi negara. Manakala kadar inflasi yang dijangka tidak signifikan sebagai kos melepas pemegangan aset-aset wang sempit, separa wang dan wang luas di negara ini. Ini mungkin disebabkan kadar inflasi yang berubah pada kadar yang sederhana di Malaysia tidak banyak mempengaruhi gelagat pengguna dan simpanan orang ramai. Ini juga membawa maksud orang ramai di negara ini yakin terhadap nilai matawang ringgit. Di samping itu, pembolehubah pendapatan benar amat sensitif kepada wang sempit berbanding separa wang diikuti definisi wang luas. Ini menunjukkan orang ramai banyak menggunakan M1 untuk motif urusniaga berbanding M2 dan M3. Peningkatan

dalam pertumbuhan ekonomi negara benar ini boleh menggalakkan aktiviti-aktiviti ekonomi terutamanya melalui penggunaan aset wang yang paling cair. Pembolehubah wang separa benar menunjukkan kesan tangguh masa lebih sensitif untuk wang separa kemudiannya diikuti wang luas dan wang sempit di negara ini. Peningkatan atau penurunan jumlah aset wang sebelumnya mempengaruhi pemegangan aset wang akan datang di negara ini.

RUJUKAN

- Abe, S, Fry, M. J., Min, B. K., Vongvipanond, P. & Yu, T.P. 1975. The demand for Money in Pakistan: Some Alternative Estimates. *The Pakistan Development Review* 14 (2) : 249 257.
- Adekunle, J. O. 1968. The demand for Money: Evidence from Development and Less Developed Economies. *International Monetary Fund Staff Papers* 15: 220 265.
- Aghevli, B.B., Khan, M.S., Narvekar, P.R. & Short, B.K. 1979. Monetary Policy in Selected Asian Countries. *International Monetary Fund Staff Papers* 26: 775 824.
- Bank Negara Malaysia. 1989. Money and Banking in Malaysia, 30th. Anniversary 1959 – 1989. Kuala Lumpur: Bank Negara Malaysia.
- Bank Negara Malaysia. 2000. Buletin Ekonomi Suku Tahunan. Kuala Lumpur: Bank Negara Malaysia.
- Bronfenbrenner, M. & Mayer, T. 1960. Liquidity Functions in the American Economy. *Econometrica* 28 (4): 810 834.
- Crockett, A. 1973. *Money Theory, Policy and Institutions*. Washington: International Monetary Fund.
- Darrat, A. 1985. The Demand for Money in a Developing Economy: The Case of Kenya. *World Development* 13 (10/11): 1163 1170.
- Eisner, R. 1963. Another Look at Liquidity Preference. *Econometrica* 31 (3): 531 538.
- Feige, E. L. & Pearce, D.K. 1977. The Substitutability of Money and Near-Monies: A Survey of the Time-Series Evidence. *The Journal of Economics Literature* 15 (2) : 439 469.
- Friedman, M. 1977. Time Perspective in Demand for Money. *Scandinavian Journal of Economics* 3 (4) : 397 416.

- Friedman, M. & Schwartz, A.J. 1982. The Effect of the Term Structure of Interest Rates on the Demand for Money in the United States. *Journal of Political Economy* 90 (1): 201 213.
- Hamzaid Yahya. 1984. The Malaysian Demand for Money: Further Evidence. *Jurnal Ekonomi Malaysia* 9: 87 99.
- Heller, H. R. 1965. The Demand for Money: The Evidence from the Short-Run Data. *Quarterly Journal of Economics* 79: 291 303.
- Heller, H. R. & Khan, M. S. 1979. The Demand for Money and the Term Structure of Interest Rates. *Journal of Political Economy* 87 (1): 109 129.
- Khan, A. H. 1980. The Demand for Money in Pakistan: Some Further Results. *The Pakistan Development Review* 19 (1): 25 49.
- Khan, A. H. 1982. Permanent Income, Inflation Expectations and the Money Demand Function in Developing Countries. *The Pakistan Development Review* 21 (4): 259 273.
- Laidler, D. 1966. The Rate of Interest and the Demand for Money : Some Empirical Evidence. *The Journal of Political Economy* 64: 543 555.
- Laidler, D. 1977. *The Demand for Money Theories and Evidence*. New York: Harper & Row, Publishers.
- Latane, H. A. 1954. Cash Balances and the Interest Rate - A Pragmatic Approach. *Review of Economics Statistics* 36: 456 460.
- Latane, H. A. 1960. Income Velocity and Interest Rates: A Pragmatic Approach. *Review of Economics Statistics* 42: 445 449.
- Lee, S. Y. 1971. Money, Quasi-Money, and Income Velocity of Circulation in Malaya and Singapore, 1947 - 1965. *Economics Development and Cultural Change* 19 (2): 287 312.
- Lee, T. H. 1967. Alternative Interest Rates and the Demand for Money: The Empirical Evidence. *The American Economic Review* 77 (5): 1168 1181.
- Lee See Yan. 1977. Malaysia: Monetary and Monetary Management Since Independence 1957 - 1976. Tesis PhD. Harvard University.
- Mangla, I.U. 1979. An Annual Money Demand Function for Pakistan: Some Further Results. *The Pakistan Development Review* 28 (1): 21 34.

- Mansor Jusoh. 1987. Inflationary Expectations and the Demand for Money in Moderate Inflation: Malaysia Evidence. *Jurnal Ekonomi Malaysia* 15: 3 14.
- Mansor Jusoh 1988. Fungsi Permintaan Wang Malaysia : Kajian Empiris Permintaan Wang Di Bawah Inflasi Sederhana. Penerbitan Tak Berkala Fakulti Ekonomi, UKM.
- Milbourne, R. 1983. Price Expectations and the Demand for Money: Resolution of a Paradox. *The Review of Economics and Statistics* 65 (4): 633 638.
- Mohd. Zainudin Saleh. 1990. *Permintaan Agregat*. Kuala Lumpur : Media Cendekiawan.
- Nisar, S. & Aslam, N. 1983. The Demand for Money and the Term Structure of Interest Rates in Pakistan. *The Pakistan Development Review* 22 (2): 97 115.
- Semudram, M. 1981. The Demand for Money in the Malaysian Economy: Empirical Estimates and Analysis of Stability. *The Malayan Economic Review*: 56 63.
- Shahi, M. A. & Sheikh, I. H. 1979. Inflationary Expectation and Monetary Adjustment in Nigeria: 1960 – 1978. *The Pakistan Development Review* 28 (4): 333 339.
- Sheng-Yi, L. 1986. *Monetary and Banking Development of Singapore and Malaysia*. Singapura: Singapore University Press.
- Teigen, R. L. 1964. Demand and Supply Functions for Money in the United States: Some Structural Estimates. *Econometrica* 32 (4): 477 509.
- Wong, C. H. 1977. Demand for Money in Developing Countries: Some Theoretical and Empirical Results. *Journal of Monetary Economics* 3 (1): 59 86.
- Zulkify Osman & Hamzaid Yahya. 1990. *Permintaan Wang*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.